



11 APR, 2025

## JKR guna kaedah UPV pastikan rumah selamat

Sinar Harian, Malaysia



# JKR guna kaedah UPV pastikan rumah selamat

Pemilik rumah diminta buat pemberian, boleh buat aduan jika ada perkara mencurigakan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI  
**SUBANG JAYA**

Jabatan Kerja Raya (JKR) menggunakan kaedah *Ultrasonic Pulse Velocity (UPV)* sebagai langkah tambahan bagi memastikan keselamatan rumah yang terjejas letupan paip gas di Putra Heights di sini selamat didiami.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, kaedah ini bagi mengesahkan keutuhan struktur rumah.

Katanya, hasil ujian itu konsisten dengan penilaian dibuat sebelum ini membabitkan 301 rumah.

"Rumah boleh dituduki dari segi kestabilan struktur dan kemudahan utiliti. Pemilik perlu masuk ke rumah mereka dan buat pemberian. Sekiranya ada sebarang perkara luar biasa atau mencurigakan, penghuni boleh buat aduan untuk pemeriksaan lanjut bomba, JKR dan Tenaga Nasional Berhad."

"Kita buka satu kaunter Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) untuk aduan daripada pemilik rumah bagi tindakan pihak berkaitan. Itu adalah proses yang kita susun dan persetuju," katanya dalam sidang akhbar



HUSSEIN

di Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) Putra Heights di sini pada Khamis.

Hussein berkata, pemeriksaan yang munasabah telah dijalankan oleh agensi berkaitan dan pendapat diambil kira untuk mengesahkan kediaman selamat untuk dihuni semula.

Jelas Hussein, JKR, bomba dan TNB juga telah mengesahkan 301 rumah dikategorikan sebagai selamat dan penghuni dibenarkan untuk pulang dan meneruskan proses pemberian.

"Setakat ini 190 rumah telah dituduki semula," katanya.

Tambahnya, keselamatan kediaman terjejas di sekitar lokasi kejadian juga terkawal.

"Polis menempatkan 124 anggota


untuk mengawal 24 jam di parameter kawasan bencana bagi menjaga keselamatan harta benda selain mengawal proses pengoperasian di lokasi bencana," ujarnya.

Sementara itu, polis menjalankan siasatan berhubung dakwaan di media sosial berkaitan kematian akibat insiden itu.

Hussein berkata, pihaknya sebelum itu menerima laporan berkaitan dakwaan berkenaan yang dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya pada Rabu.

"Satu laporan telah dibuat oleh sebuah pusat kesihatan daerah berkaitan satu kematian yang didapati tular di media sosial.

"Dakwaan terbabit didapati tidak berasas dan siasatan lanjut dijalankan di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998," katanya.



Keadaan di kawasan kebakaran melibatkan kebocoran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights baru-baru ini.